

# → INSPIRASI

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

**BH PLUS**di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

Hazmie menjual benih pokok berhampiran Pasar Tani Medan Gopeng pada setiap Ahad.

## Graduan promosi kebun sayur mini

→ Usaha suntik amalan fertigasi mini guna bahan kitar semula dapat sambutan

Oleh Farah Suhaidah  
Othman  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

Ipoh

Berniaga sambil berkongsi ilmu serta pengalaman, menjadi strategi seorang graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) menggalakkan orang ramai bertani, meskipun mempunyai ruang yang terhad.

Pada setiap Ahad, Muhamad Hazmie Hassan, menumpang di luar kedai rakannya berhampiran Pasar Tani Medan Gopeng di sini, untuk menjual benih pokok serta sayuran segar yang dibawa bersama bekas tanaman untuk dituai pelanggan.

Hazmie, 25, yang turut dikenali sebagai Pa'mie Petani, turut memberi tunjuk ajar mengenai penanaman sayur-sayuran menggunakan kaedah fertigasi dan hidropot, selain mengagihkan benih kepada yang berminat.

### Guna polibeg

"Saya mempromosikan kaedah pertanian fertigasi mini sebagai cara bercucuk tanam di sekitar rumah dalam kapasiti kecil. Kaedah ini membabitkan usaha menanam pokok menggunakan polibeg yang

Info

### Rakan Tani Pa'mie Petani

→ Promosi bertani menerusi akaun FB, Rakan Tani Pa'mie Petani

→ Edarkan benih di Pasar Tani Medan Gopeng setiap Ahad

→ tawar ikut pakej tertentu termasuk bimbingan hingga mahir serta pemberian biji benih dan anak pokok secara percuma seumur hidup

dilengkapi sistem pengairan dan pembajaan mengikut sukaan tertentu.

"Alternatif ini lebih sesuai untuk tanaman sayur bagi kegunaan harian seperti kobis, salad, sawi dan bayam menggunakan baja buatan sendiri," katanya yang juga graduan Diploma Pertanian UPM Kampus Bintulu.

Hazmie berkata, idea mengagihkan biji benih dan anak pokok kepada pelanggan timbul sejak awal tahun ini berikutan masyarakat semakin minat berkebun tetapi tidak mempunyai tanah yang luas.

Katanya, pelanggan tidak perlu tanah yang luas, memadai menggunakan halaman rumah untuk memulakan amalan bercucuk tanam.

"Sebagai permulaan, konsep kebun fertigasi mini ini saya mula buat promosi menerusi media sosial Facebook dan saya berikan benih percuma kepada pelanggan yang berkunjung ke pasar tani berhampiran pada setiap Ahad.

"Tiada had kuantiti yang ditetapkan untuk diberikan secara percuma. Jika pelanggan mahu campuran pelbagai jenis benih pokok atau biji benih, saya akan berikan sehingga stok kehabisan," katanya yang mendalamka kaedah fertigasi

di Institut Pertanian Serdang.

Selain fertigasi mini, Hazmie turut memberi tunjuk ajar kepada pelanggan menerusi sistem hidropot yang menggunakan bahan kitar semula seperti botol mineral sebagai pasu, manakala sabut kelapa atau sekam padi sebagai pengganti tanah.

### Dapat perhatian ramai

Katanya, beliau bersyukur usahanya menggalakkan masyarakat bertani diterima ramai sehingga pengunjung dari Lembah Klang turut menghubunginya bagi mendapatkan perkhidmatan khususnya dalam penanaman kaedah fertigasi.

Malah, usahanya menyuntik amalan berkebun mendapat perhatian ramai termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan syarikat korporat sekitar Perak.

"Harga dan perkhidmatan yang saya tawarkan mengikut pakej tertentu termasuk bimbingan hingga mahir serta pemberian biji benih dan anak pokok secara percuma seumur hidup.

"Maknanya, kalau kebun fertigasi mini pelanggan tidak berjaya berikutan serangan serangga, saya akan gantikan dengan benih baharu selain merawat kebun terabit sehingga pulih," katanya.